

# Kuala Lipis

BH 31/10/08 M/S 12

## kaya kesan sejarah


Bangunan lama era penjajah British jadi antara aset utama pelancongan



RUMAH Residen kini dijadikan rumah rehat.

Oleh Roselan Ab Malek  
roselan@hhbharian.com.my

punya rentetan kesan sejarah yang masih utuh



**LANDSKAP**  
bandar Kuala  
Lipis memukau  
pengunjung.

**W**ALAU PUN Kuala Lipis sedang pesat membangun seperti bandar lainnya, tetapi mereka yang berkunjung ke sini, masih berpeluang melihat tinggalan bangunan bersejarah era penjajah British abad ke-19, selain keindahan alam semula jadinya dikelilingi hutan rimba dan sungai belum tercemar.

Usaha Majlis Daerah Lipis (MDL) mempertahankan status bandar bersejarah di Pahang itu harus dipuji melalui projek pemuliharaan dan pengindahan yang dijalankan.

Bandar yang pernah menjadi ibu negeri Pahang pada 1898 sebelum berpindah ke Kuantan ini, mem-

punyai tinggalan kesah-  
sejarah yang masih utuh  
khususnya bangunan  
binaan penjajah British  
ketika itu yang menjadi  
pusat pentadbiran kera-  
jaan negeri.

Kuala Lipis dijadikan  
pusat pemerintahan  
Pahang ketika sistem  
residen di Negeri-Negeri  
Melayu Bersekutu dilak-  
sanakan berikutan ke-  
kayaan yang dimiliki di  
kawasan sekitarnya teru-  
tama perlombongan.

Antara bangunan  
masih kekal di bandar  
ini ialah Rumah Rehat  
Bukit Residen dibina  
pada 1922, Sekolah Me-  
nengah Clifford (1913),  
Kelab Pahang (1907) dan  
Rumah Bekas Setiausaha  
Kerajaan Negeri (1920).

Tinggalan lain yang  
masih kukuh termas-  
uk kediaman rasmi  
pegawai daerah



**BATU** bertanda kilometer kosong terletak di tengah bandar Kuala Lipis begitu unik.

(1929), Istana Hinggap (1926), Pejabat Pos (1910), Asrama Jururawat (1926), Kompleks Pentadbiran Daerah Lipis (1919) dan Batu Bertanda '01' menjadi pusat menyukat perbatuan negara.

Bangunan zaman British ini terus menjadi nostalgia bagi mereka yang pernah berkhidmat di bawah Kerajaan British sebelum dan selepas merdeka.

Ahli Parlimen Lipis, Datuk Dr Mohamad Shahrudin Osman, berkata pembangunan bandar Lipis juga dikaitkan dengan destinasi pelancongan berdekatan seperti di Taman Rimba Kuala Kenong, Merapoh, Kuala Terengganu, Taman Rimba Kemahang dan Program Inap Desa Kuala Medang.

**PUSAT** pentadbiran Inggeris kini dijadikan Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.



"Kuala Lipis memang sesuai sebagai destinasi program satu hari kerana di sini terdapat banyak tinggalan sejarah dan menjadi transit pelawat yang berkereta api ke Taman Negara, Kelantan seterusnya Thailand," katanya.

Beliau berkata, pembangunan bandar Kuala Lipis sejajar dengan perancangan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang berasaskan bidang agro dan eko pelancongan dengan mengeksploitasi artifak sejarah, pertanian, kebudayaan dan kesenian untuk menarik pelawat ke daerah itu.

Sehubungan itu, beliau meminta agensi pelancongan supaya menjadikan Kuala Lipis sebagai satu daripada destinasi mereka untuk memberi peluang pelancong asing melihat bangunan peninggalan British di bandar ini.

Selaian melihat bangunan bersejarah, katanya, pelawat juga berpeluang singgah di Taman Rimba Kenong, Hutan Simpan Kemahang, Merapoh, Empangan Jaleh dan Hutan Lipur Terengganu



**“Kuala Lipis sesuai sebagai destinasi program satu hari kerana di sini terdapat banyak tinggalan sejarah dan menjadi transit pelawat berkereta api ke Taman Negara, Kelantan seterusnya Thailand”**

**Mohamad  
Shahrum Osman**  
Ahli Parlimen Lipis

yang masih kekal sebagai habitat flora dan fauna di samping menikmati keindahan alam semula jadi.

Mohd Shahrum berkata, tahun lalu, kira-kira 50,000 pelawat berkunjung ke Kuala Lipis untuk menikmati keindahan hutan hujan tropika, sungai, perkampungan Orang Asli dan tinggalan sejarah.

"Jadi, usaha memulihara bangunan sejarah di samping mengindahkan kawasan bandar akan dijalankan secara berterusan oleh MDL dan agensi kerajaan lain supaya ia terus terpelihara," katanya.

Mohd Shahrum berkata, pembukaan jalan baru Kuala Lipis ke Kuantan melalui Jerantut dan menaik taraf jalan dari Bentong ke Lipis, mampu mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi berasaskan pelancongan dan pertanian di daerah itu.

Beliau berkata, Kuala Lipis menyediakan tempat penginapan yang selesa kepada pelancong seperti

hotel, Rumah Rehat Bukit Residen dan Rumah Rehat Tanjong Lipis yang menawarkan pelbagai kemudahan termasuk hidangan makanan tradisional Pahang berasaskan ikan air tawar.

"Pihak berkuasa tempatan di sini dengan kerjasama agensi pelancongan tempatan sedang giat mempromosi daerah ini, malah menobatkan Kuala Lipis sebagai bandar bersejarah di Pahang," katanya.

Antara usaha mempromosikan bandar Kuala Lipis termasuk menganjurkan Karnival Lipis, Ekspedisi Berakit Antarabangsa Sungai Pahang dan menjadi tuan rumah program pameran serta seminar pertanian dan pelancongan.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai bekerjasama mengekalkan kebersihan bandar Kuala Lipis sebagai usaha membantu mempromosi daerah ini untuk tarikan lebih ramai pelancong pada tahun ini.